



Nasional > UniMAP universiti pertama guna Pusat Data Sektor Awam

UniMAP universiti pertama guna Pusat Data Sektor Awam

By **Shawaliah Hadir** - 27 July 2020



Artikel Popular



Seni Hidup

Peranan pembangunan belia tidak dipinggirkan

26 June 2020

Penglibatan Universiti Limkokwing dalam program berkonaan seiring

memberikan inspirasi dalam merealisasikan impian selain menggalakkan aktiviti berkaitan sukarelawan.



Buat apa cabar saya? Cabarlah LHDN, kata Guan Eng

26 July 2020



Lokman, jangan jadi batu api - Izam

26 July 2020



KUALA LUMPUR – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi universiti pertama di negara ini menjalinkan kerjasama dengan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) menggunakan Perkhidmatan Pusat Dana Sektor Awam (PDSA).

Dengan kerjasama ini, UniMAP kini mempunyai pusat data di luar universiti berkenaan yang mana dalam masa sama akan dapat memastikan inisiatif persekitaran pekerja digital, perkhidmatan awan (Cloud Service) dan penyampaian cara pendigitalan dapat ditingkatkan seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).



Dengan termeterainya kerjasama hari ini Naib Canselor universiti berkenaan, Profesor Prof Ts Dr R Badlishah Ahmad berharap UniMAP akan dapat memacu kecemerlangan dan kemudahan prasarana digital selaras dengan Agenda Transformasi Digital universiti itu yang telah dirancang sejak tahun lalu.

“Satu lagi inisiatif ialah menyediakan e-varifikasi yang menawarkan modul atau skrol, transkrip, data pelajar dan data staff (kakitangan),” katanya pada Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan PDSA dengan Mampu.

Majlis perjanjian itu disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Mazlan Yussoff mewakili Menteri, Datuk Dr Noraini Ahmad.

Mampu diwakili Ketua Pengarahnya Datuk Dr Yusof Ismail.

Kata Badlishah, proses transformasi pendigitalan ini merupakan sebahagian inisiatif UniMAP untuk menerokai perubahan keadaan dalam aspek teknologi membabitkan organisasi awam dan swasta.



“Semua *server* (pelayan) dan data yang berkaitan akan disimpan di icloud storage di PDSA yang tiada had storan selain ia juga mampu menjimatkan kos *disaster recovery*,” katanya. - MalaysiaGazette

